

07 JULAI 2017

Pengedar pil kuda, heroin diberkas

Pengedar pil kuda, heroin diberkas

KOTA BHARU - Polis memberkas tiga lelaki dan merampas pelbagai jenis dadah dalam tiga serbuan berasingan di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Asisten Komisioner Ismail Mat Sidik berkata, serbuan pertama dapat menahan seorang lelaki berusia 40 tahun bersama 50 biji pil kuda dan sejumlah eramin 5 di sebuah rumah di Jalan Pengkalan Chepa.

"Serbuan kedua pula dilakukan di sebuah rumah di Bandar Lama, Lorong Pak Chik Hin dan menahan seorang remaja berusia 18 tahun bersama 50 biji pil kuda bernilai RM1,500.

"Polis kemudian memberkas seorang penganggur berusia 51 tahun dan merampas sejumlah heroin di sebuah rumah di Kampung Kusial Baru di sini," katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Tambahnya, kesemua tangkapan itu dilakukan antara pukul 12 tengah hari kelmarin hingga 4.20 pagi semalam.

Siasatan awal mendapati pengedar dadah itu mendapatkan bekalan di kawasan pengkalan haram Rantau Panjang dan Thailand.

Kesemua suspek positif dadah jenis morfin dan syabu selepas menjalani ujian air kencing. Kes disiasat mengikut Seksyen 39A(1), 39A (2) dan Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.